

PM: Kerajaan BN akan terus laksana dasar penerapan nilai Islam

UM 29 JUN 1990

PASIR MAS 28 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan dasar penerapan nilai - nilai Islam di samping memberikan kebebasan beragama kepada bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, penerapan nilai - nilai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah secocok dengan ajaran dan perjuangan Islam yang sebenar kerana ia merangkumi semua bidang kehidupan.

Kerajaan, tambah beliau, bertanggungjawab mendekati seluruh rakyat kepada Islam dan akan terus melaksanakan dasar penerapan nilai - nilai Islam secara membina.

"Sama ada mereka hendak menerimanya atau tidak, itu masalah lain," tegas Perdana Menteri di majlis penyerahan borang permohonan menganggotai UMNO oleh 1,000 orang dari 17 ranting Pas di Kampung Banggol Che Wan, Meranti di sini hari ini.

Borang - borang itu diserahkan oleh bekas penghulu Kampung Meranti, Encik Yusoff Awang dalam majlis yang diadakan di rumahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, usaha untuk menerapkan dasar nilai - nilai Islam hanya dapat dilakukan dengan sempurna sekiranya wujud keadaan yang aman dan tidak terdetus huru - hara.

Menurut beliau, walaupun rakyat dapat menyaksikan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan mengenai Islam, masih ramai daripada kalangan pemimpin dan penyokong Pas tidak mahu mengiktirafnya.

"Mereka memaki - hamun orang - orang UMNO dan menuduh penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam tidak ada faedahnya, walaupun ramai umat Islam menikmati faedahnya," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, kemasukan beramai - ramai penyokong Pas dalam UMNO jelas membuktikan bahawa mereka tidak puas hati dengan kepimpinan parti itu yang secara terang - terangan bekerjasama dengan Semangat 46 dan DAP.

Beliau berpendapat, adalah sesuatu yang aneh bagi Pas yang kononnya ingin memperjuangkan Islam, bekerjasama dengan DAP yang sudah jelas menentang pem-

bentukan sebuah negara Islam.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat, sekiranya gabungan parti pembangkang menang, pemerintahan tidak dapat dijalankan secara teratur kerana masing - masing mengamalkan ideologi yang bertentangan.

Perdana Menteri berkata, perjuangan Pas yang bekerjasama dengan Semangat 46 dan DAP bukan untuk kepentingan Islam tetapi adalah untuk kepentingan diri dan mendapat kemenangan dalam pilihanraya umum akan datang.

Menurut beliau, apa juga bentuk kerjasama yang tidak mempunyai panduan, sudah pasti tidak akan diterima oleh rakyat.

Sebelum itu, dalam satu majlis di Kampung Pecah Palas, Bunut Susu dan Tendong dekat sini, Dato' Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO menerima 196 borang permohonan menyertai UMNO daripada Pas dan Semangat 46.

Borang - borang itu disampaikan oleh bekas Ketua Pas Ranting Pecah Palas, Encik Mustafa Umat.